

AMODIS SUSPENSION 200MG/5ML

Metronidazole benzoate equivalent to Metronidazole 200mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Amodis suspension*
2. Bagaimana *Amodis suspension* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Amodis suspension*
4. Cara menggunakan *Amodis suspension*
5. Semasa menggunakan *Amodis suspension*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Amodis suspension*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan *Amodis suspension*

Amodis Suspension boleh digunakan untuk:

Dewasa dan kanak-kanak berumur lebih dari 1 tahun

- mencegah jangkitan selepas anda menjalani pembedahan
- merawat jangkitan, termasuk jangkitan pada darah, otak, paru-paru, tulang, lapisan perut anda, pelvis dan jangkitan selepas bersalin atau di sekitar kawasan anda menjalani pembedahan
- merawat trikomoniasis. Ini adalah jangkitan seksual, pada lelaki dan Perempuan
- merawat amoebiasis - jangkitan pada usus atau hati anda yang disebabkan oleh parasite
- merawat giardiasis - jangkitan yang menyebabkan pembengkakan usus anda.

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 10 tahun sahaja

- merawat vaginosis - jangkitan dan bengkak pada faraj anda
- merawat gusi bengkak dan ulser di dalam mulut anda (gingivitis) dan jangkitan pergigian lain
- merawat ulser dan kudis tekanan pada kaki anda.

Kanak-kanak

Ia juga boleh digunakan pada kanak-kanak untuk merawat jangkitan kuman dalam perut (*Helicobacter pylori*).

Bayi baru lahir (bulan penuh)

Ia boleh digunakan dalam tempoh penuh bayi baru lahir untuk merawat jangkitan bakteria dan mencegah jangkitan selepas pembedahan.

Bagaimana *Amodis suspension* berfungsi

Amodis suspension adalah antibiotic yang tergolong dalam kumpulan ubat ubatan yang dipanggil *nitroimidazoles*. Ubat ini berfungsi dengan membunuh atau menghentikan pertumbuhan bakteria dan organisma lain yang menyebabkan jangkitan ini.

Sebelum mengambil *Amodis suspension*

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan mengambil *Amodis suspension* jika anda:

- alergi terhadap *Metronidazole* atau mana-mana *nitroimidazole*.
- mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda dijangkiti oleh sindrom *Cockayne*.

Kes keracunan hati yang teruk/kegagalan hati akut telah dilaporkan dalam kalangan pesakit dengan sindrom *Cockayne* yang menggunakan produk yang mengandungi *metronidazole*.

Berhenti mengambil *Amodis Suspension* dan maklumkan kepada doktor anda dengan segera jika anda mengalami: sakit perut, kurang selera makan, loya, muntah, demam,

keletihan luar biasa, kulit dan bahagian putih mata menjadi kekuningan, air kencing berwarna gelap, najis berwarna pucat atau seperti tanah liat atau kegatalan.

- Sebelum mula mengambil *Amodis suspension*

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang alergi kepada mana-mana ubatan lain atau mana-mana bahan lain seperti pengawet atau pewarna makanan.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai mana-mana masalah kesihatan/keadaan perubatan termasuk:

- Penyakit hati yang teruk
- Penyakit otak, saraf tunjang atau Saraf
- Menjalani rawatan hemodialisis

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh terjejas dengan *Amodis suspension* atau mungkin boleh menjejaskan keberkesannya. Ini termasuk:

- Alkohol
- *Disulfiram*, ubat yang digunakan untuk merawat pergantungan alcohol yang kronik.
- *Warfarin* atau ubat-ubatan lain yang digunakan untuk mencegah pembekuan darah.
- *Phenytoin*, ubat yang digunakan untuk merawat sawan.
- *Lithium*, ubat untuk merawat kemurungan manic atau jenis-jenis kemurungan yang lain.
- *Phenobarbitone*, ubat untuk merawat sawan atau sebagai penenang
- *Cimetidine*, ubat yang digunakan untuk merawat refluks gastrik dan ulser

Cara menggunakan *Amodis suspension*
Selalu menggunakan *Amodis suspension*

AMODIS SUSPENSION 200MG/5ML

Metronidazole benzoate equivalent to Metronidazole 200mg

seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa untuk orang dewasa dan kanak-kanak adalah:

Anda makan ubat untuk apa	Bilangan hari anda akan mengambil ubat	Berapa banyak yang perlu diambil – Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas	Berapa banyak yang perlu diambil – Dewasa dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun
Pencegahan jangkitan selepas pembedahan	1	10ml (400mg) tiga kali sehari sebelum pembedahan	Doktor anda akan menetapkan dos yang betul berdasarkan berat anak anda.
Jangkitan bakteria	-	Satu dos 20ml (800mg) diikuti dengan 400mg (10ml) tiga kali sehari	

Jangkitan lain

Dewasa dan kanak-kanak berumur lebih dari 10 tahun:

Anda makan ubat untuk apa	Bilangan hari anda akan mengambil ubat	Berapa banyak yang perlu diambil – Dewasa dan kanak-kanak berumur 10 tahun ke atas
<i>Trichomoniasis</i>	1	50ml (2000mg) sekali sehari
	atau 5 hingga 7	10ml (400mg) dua kali sehari
	Atau 7	5ml (200mg) tiga kali sehari
<i>Vaginosis</i>	1	50ml (2000mg) sekali sehari
	atau 5 hingga 7	10ml (400mg) dua kali sehari
<i>Amoebiasis</i>	5 hingga 10	10ml (400mg) to 20ml (800mg) tiga kali sehari
<i>Giardiasis</i>	3	50ml (2000mg) sekali sehari

	atau 5	10ml (400mg) tiga kali sehari
	atau 7 hingga 10	12.5ml (500mg) dua kali sehari
<i>Gingivitis</i>	3	5ml (200mg) tiga kali sehari
Jangkitan gigi	3 hingga 7	5ml (200mg) tiga kali sehari
Ulser kaki dan luka tekanan	7	10ml (400mg) tiga kali sehari

Kanak-kanak di bawah umur 10 tahun:

Anda makan ubat untuk apa	Bilangan hari anda akan mengambil ubat	Berapa banyak yang perlu diambil – Kanak-kanak berumur 7-10 tahun	Berapa banyak yang perlu diambil – Kanak-kanak berumur 3-7 tahun	Berapa banyak yang perlu diambil – Kanak-kanak berumur 1-3 tahun
<i>Trichomoniasis</i>	7	Doktor anda akan menetapkan dos yang betul berdasarkan berat anak anda. Ini tidak boleh melebihi 2000mg sehari.		
<i>Amoebiasis</i>	5 to 10	5ml (200mg) hingga 10ml (400mg) tiga kali sehari	2.5ml (100mg) hingga 5ml (200mg) empat kali sehari	2.5ml (100mg) hingga 5ml (200mg) tiga kali sehari
		Doktor anda akan menetapkan dos yang betul berdasarkan berat anak anda. Ini tidak boleh melebihi 2400mg sehari.		
<i>Giardiasis</i>	3	25ml (1000mg) sekali sehari	15ml (600mg) hingga 20ml (800mg) sekali sehari	12.5ml (500mg) sekali sehari
		Doktor anda akan menetapkan dos yang betul berdasarkan berat badan anak anda.		
<i>Gingivitis</i>	3	2.5ml (100mg) tiga kali sehari	2.5ml (100mg) dua kali sehari	1.25ml (50mg) tiga kali sehari

Kanak-kanak – rawatan untuk jangkitan kuman dalam perut (*Helicobacter pylori*)

Anak anda akan diberi Metronidazole bersama ubat lain. Doktor anda akan menetapkan dos yang betul berdasarkan berat anak anda. Ini tidak boleh melebihi 500mg dua kali sehari.

Orang tua dan mereka yang mempunyai masalah hati

Doktor anda mungkin menetapkan dos yang lebih rendah daripada dos yang

diberikan kepada orang dewasa. Ini kerana anda mungkin lebih sensitif terhadap ubat tersebut.

- Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil *Amodis suspension*.

- Berapa lama perlu digunakan

Rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda untuk tempoh rawatan. Teruskan mengambil *Amodis suspension* selagi doktor anda mengesyorkan.

Jangan berhenti mengambil ubat ini, walaupun anda berasa lebih baik selepas beberapa hari, kecuali atas nasihat doktor anda. Jangkitan anda mungkin belum pulih sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat ini terlalu awal.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda lupa menggunakan *Amodis suspension* pada masa yang sesuai, gunakannya sebaik sahaja anda mengingati, kemudian lakukan seperti sebelumnya. Jangan mengandakan dos untuk megejar.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dinasihatkan supaya hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengambil *Amodis suspension* berlebihan.

Semasa menggunakan *Amodis suspension*

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan *Amodis suspension*.

Ambil *Amodis suspension* mengikut dos yang disarankan.

AMODIS SUSPENSION 200MG/5ML

Metronidazole benzoate equivalent to Metronidazole 200mg

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Amodis suspension* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau sensitiviti.

Sucrose

Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda mempunyai intoleransi terhadap beberapa gula, anda mesti menghubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini. Ia juga mungkin berbahaya kepada gigi.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, *Amodis suspension* boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini kerana simptom ini boleh memudaratkan.

- Rasa logam yang kuat dan tidak menyenangkan di dalam mulut
- Lidah berbulu
- Radang mulut
- Masalah darah
- Masalah hati
- Sawan
- Pening
- Hilang keseimbangan

- Koordinasi yang lemah
- Kekeliruan
- Rasa marah
- Insomnia
- Kemurungan
- Rasa lemah
- Kesukaran tidur
- Hidung tersumbat
- Mulut kering, kekeringan mulut (atau faraj atau vulva)
- Demam
- Pembuangan air kecil yang luar biasa (contohnya kesukaran untuk buang air)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan
Amodis suspension

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah 30 °C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Gunakan dalam masa 28 hari selepas dibuka pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Suspension berwarna putih hingga putih berkrim, berperisa oren yang mempunyai rasa manis dan sedikit pahit, diisi dan dimeterai dalam botol PET amber dengan penutup putih bercetak 'SQUARE'. Bebas daripada sebarang zarah asing yang boleh dilihat.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Metronidazole Benzoate

- Bahan tidak aktif
Sucrose, liquid glucose, dispersible cellulose, liquid sorbitol, propylene glycol, glycerol, polysorbate 80, methyl hydroxybenzoate, propyl hydroxybenzoate, aspartame, orange liquid (sweet) essence No.1, anhydrous disodium hydrogen phosphate, sodium dihydrogen phosphate dihydrate, purified water q.s. to

- Nombor MAL

Pengilang

SQUARE PHARMACEUTICALS PLC
Square Road, Salgaria, Pabna 6600,
Bangladesh.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec Sdn. Bhd.
B-1-07, Jalan SS 25/22,
Taman Mayang, 47301,
Petaling Jaya, Selangor.

Tarikh kemaskini RiMUP

27/02/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/077